

**SOSMA Diguna Pakai Pastikan PRU-13 Berjalan Lancar - PDRM
Bernama
10 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Polis akan mengguna pakai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) dalam memastikan proses pilihan raya umum ke-13 (PRU13) berjalan lancar.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan dan Undang-Undang Bukit Aman Datuk Razali Basri berkata individu yang didapati menimbulkan kekecohan atau ancaman keselamatan sepanjang tempoh kempen PRU13 akan disiasat di bawah SOSMA dan didakwa mengikut Kanun Keseksaan.

"Antara seksyen dalam Kanun Keseksaan yang diguna pakai adalah Seksyen 124B iaitu aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen di mana sabit kesalahan boleh dihukum sehingga 20 tahun penjara dan Seksyen 124C iaitu cubaan melakukan sesuatu aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen, boleh dihukum penjara selama 15 tahun," katanya kepada pemberita pada taklimat PRU13 di Bukit Aman di sini Rabu.

Katanya sebarang aktiviti menjejaskan ketenteraman awam yang berlaku sebelum bermulanya tempoh kempen akan mengguna pakai Akta Perhimpunan Aman 2012. Tempoh kempen bermula selepas penamaan calon sehingga 12 tengah malam sebelum hari pengundian.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohamad Salleh berkata mana-mana pihak, sama ada badan bukan kerajaan (NGO), penyokong mahupun parti politik yang ingin mengadakan perjumpaan atau ceramah perlu memaklumkan kepada polis kerana ia tertakluk di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012. "Perlu diingat, ketika ini sebarang aktiviti politik antaranya ceramah atau perjumpaan adalah termaktub di bawah akta berkenaan dan ia terpakai sehingga sebelum penamaan calon. Bermula daripada penamaan calon dan seterusnya, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 akan terpakai," katanya.

Beliau berkata polis akan mengambil tindakan terhadap pihak yang melanggar akta tersebut.

Katanya bagi memudahkan pihak media berhubung dengan polis Kuala Lumpur bagi mendapatkan sebarang maklumat, beliau berkata dua pegawai telah dilantik sebagai jurucakap.

"Kita juga ada bilik gerakan atau pusat media yang beroperasi 24 jam dan telah aktif untuk melayan sebarang pertanyaan berhubung pilihan raya".

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940973>